

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, March 31, 2017 11:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Kekalkan Standard STPM Sebagai Laluan Utama Ke Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



31 MAC 2017 / 3 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KEKALKAN STANDARD STPM SEBAGAI LALUAN UTAMA KE UNIVERSITI



UUM ONLINE: Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) berusaha untuk mengekalkan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebagai peperiksaan awam yang menjadi laluan utama pelajar memasuki universiti.

Pengerusi MPM, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, walaupun masa silih berganti dengan kewujudan Diploma, Matrikulasi dan Asasi tetapi STPM tetap kekal penting.

Menurutnya, STPM sehingga kini masih mengekalkan tradisinya yang mana logo University of Cambridge masih digunapakai pada sijil STPM.

"Ini jelas menunjukkan kita mempunyai hubungan erat dengan Cambridge yang telah menentukan standard atau piawaian peperiksaan ini.

"Sehubungan itu, MPM sebagai badan yang kuat dinaungi majoriti adalah Naib Canselor universiti mahu standard STPM ini kekal dan terus mendapat pengiktirafan," katanya pada Jamuan Makan Malam MPM Bersama Pengarah Pendidikan Negeri di EDC Hotels & Resorts, malam tadi.

Tambah beliau, STPM kini juga sedang berubah bentuk dan coraknya dengan mengaplikasikan sistem modular sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Katanya, calon STPM hanya menumpukan kepada modul semester berkenaan berbanding sistem penggal dan mereka boleh mengambilnya secara berperingkat.

Yang Berbahagia Dato' Seri yang juga Naib Canselor UUM berkata, banyak persepsi negatif terhadap STPM dalam kalangan pelajar dan guru sendiri yang mendakwa STPM merupakan peperiksaan yang susah.

"Kita perlu ubah persepsi ini dan jika kena pada strategi yang betul, pelajar akan tahu bahawa STPM lebih mudah berbanding SPM.

"Selain itu, tanpa mengorbankan standard STPM sendiri, MPM juga berjaya menjadikan STPM lebih 'user friendly'," katanya.

Menurut beliau lagi, jamuan makan malam yang diadakan itu adalah sebagai penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang banyak membantu MPM .

Katanya, MPM mahu meningkatkan kualiti STPM, justeru maklum balas daripada pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri itu sendiri adalah penting untuk penambahbaikan.

MPM kini mengendalikan tiga peperiksaan iaitu STPM, Malaysian University English Test (MUET) dan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warganegara Asing (SKBMW), selain dalam perancangan untuk mewujudkan IJLA (MUET dalam versi Bahasa Arab).

Hadir sama Ketua Eksekutif MPM, Mohd Fauzi Mohd Kassim; Timbalan Ketua Eksekutif 1, MPM, Adnan Husin; Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar, UPU, Mazula Sabudin; Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Norazman Abdul Rahman; Pengarah-pengarah Jabatan Pendidikan Negeri seluruh Malaysia; Ketua-ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri seluruh Malaysia dan pegawai-pegawai kanan dari MPM, KPM , JPN dan UUM.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.